

## Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

*The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis*

Muhammad Nazirul Mohd Sabri✉, Jasni Sulong

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

### ABSTRAK

Masyarakat Melayu lama mempunyai banyak amalan adat yang bercampur baur dengan amalan agama Islam yang diamalkan dan diwarisi secara lisan atau tulisan daripada satu generasi ke satu generasi. Senario ini dapat dilihat dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang menjadi asas dan peraturan rakyat negeri Perak suatu ketika dahulu. Namun begitu, terdapat beberapa fasal peruntukan di dalamnya yang dilihat bercanggah dengan undang-undang Islam sebenar yang telah termaktub dalam al-Quran dan hadis. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang menjadi tapak asas permulaan undang-undang Islam di Negeri Perak dan juga mengenal pasti sejauh mana bercanggahnya undang-undang tersebut dengan undang-undang Islam sebenar. Kajian ini memfokuskan sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan di negeri Perak pada abad ke-17 berdasarkan peruntukan fasal dalam buku *Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak* terbitan Arkib Negara Kuala Lumpur. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan metode analisis kandungan dalam pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemerintahan Islam di Negeri Perak pada abad ke-17 dan seterusnya telah didominasi oleh keturunan Sayyid dari Hadramaut, Yaman. Selain itu, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dilihat lebih merupakan hukum adat Melayu Lama yang dicampuradukkan dengan beberapa peraturan Islam dalam beberapa fasal.

### KATA KUNCI

Sejarah Perkembangan, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan, Perundangan Islam, Masyarakat Melayu lama, Perak..

### ABSTRACT

Traditional practices in ancient Malay society often blended with Islamic customs, passed down both verbally and non-verbally from one generation to the next. This is evident in *The Ninety-Nine Laws of Perak*, which once served as the guiding rules for the people of Perak. However, there appear to be several provisions in these laws that contradict the principles set forth in the *Quran* and *hadith*. Thus, this study aims to trace the historical evolution of *The Ninety-Nine Laws of Perak*, which laid the groundwork for Islamic law in the State of Perak, and determine the degree of contradiction with mainstream Islamic law. The study primarily focuses on the development of *The Ninety-Nine Laws of Perak* in the 17th century, as detailed in the book, '*Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*,' published by the National Archives of Malaysia. This qualitative study utilizes content analysis for data collection. The findings suggest that from the 17th century onwards, the Islamic rule in Perak was largely influenced by the Sayyid descendants from Hadhramaut, Yemen. Furthermore, *The Ninety-Nine Laws of Perak* appear to be more representative of ancient Malay customary law, interspersed with elements of Islamic law in certain clauses.

### Article History

Received: April 1, 2023

Revised: May 30, 2023

Accepted: Jun 6, 2023

Published: June 15, 2023

### ✉ Contact

Muhammad Nazirul Mohd Sabri  
(Corresponding Author)  
naz\_mubin87@yahoo.com

### Citation

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong. 2023. Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 84-93.

### Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

**KEYWORDS**

*Historical Development, Ninety-Nine Laws, Islamic law, Old Malay Society, Perak*

**PENGENALAN**

Sejarah Tanah Melayu sebelum kedatangan Islam ialah sebuah wilayah yang berasaskan kepercayaan animisme yang bercampur-baur dengan Hindu dan Budhisme. Kewujudan kerajaan Hindu Gangga Nagara, Perak dipercayai telah wujud sebelum Kesultanan Perak diasaskan pada tahun 1528 lagi, iaitu sekitar abad ke-5 dan ke-6 Masihi. Pada waktu ini, Kerajaan Gangga Nagara telah masyhur dan menjalankan kegiatan perdagangan yang melibatkan pedagang luar seperti dari Tanah Arab dan juga China (Fawzi M. A. Basri, 1986). Kemudian, muncul Kerajaan Beruas dan Manjung, sehingga direkodkan perkembangan dua wilayah ini dalam Sulalatus Salatin (W.G. Shellabear, 2016). Kedua-dua kerajaan Melayu ini juga terlibat dengan aktiviti perdagangan. Menurut catatan Tom Pires (Cortesa, 1944), pelabuhan Beruas sentiasa dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari luar seperti dari Gujerat, Siam, Kedah dan China pada tahun 1512. Pada waktu ini, masyarakat Perak menganuti pelbagai kepercayaan sama ada hasil warisan animisme mahupun anutan agama Hinduisme atau Budhisme daripada kerajaan yang memerintah (Andaya, 1979).

Agama Islam dipercayai telah sampai ke Tanah Melayu kira-kira pada kurun ke-14 dan mula bertapak kukuh di Melaka pada kurun ke-15. Pengaruh Islam di Melaka telah merebak sehingga ke Negeri Perak dengan penabalan Raja Muzaffar Ibn Sultan Mahmud Syah menjadi Sultan Perak yang pertama dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah I, iaitu sekitar dalam tahun 1528M. Setelah raja-raja dan orang Melayu Perak memeluk agama Islam, perubahan demi perubahan telah dibuat untuk mengubahsuai adat Melayu supaya selaras dengan ajaran Islam, seterusnya membentuk undang-undang Islam. Selepas kejatuhan Melaka dan kemudiannya diganti oleh Aceh yang menguasai tumpuan pedagang-pedagang Islam di Alam Melayu, wilayah Perak terus terlibat dalam hubungan perdagangan antarabangsa (Ahmad Jelani Halimi & Ishaat Saat, 2010) Seterusnya penaklukan Perak oleh Aceh setelah Melaka, telah meletakkan Perak sebagai didominasi oleh pemimpin Islam. Kedatangan agama Islam telah membawa perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam di Perak khususnya. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), Islam telah membawa perubahan yang begitu ketara kepada amalan dan cara hidup masyarakat Islam di Tanah Melayu.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengenalpasti sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang menjadi tapak asas permulaan undang-undang Islam di Negeri Perak, serta mengenalpasti sejauh mana

percanggahan undang-undang tersebut dengan undang Islam sebenar. Kajian ini memberi tumpuan kepada sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan di Negeri Perak pada abad ke-17 berdasarkan peruntukan fasal di dalam buku 'Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak' terbitan Arkib Negara Kuala Lumpur.

**UNDANG-UNDANG ADAT DAN AMALANNYA DI NEGERI PERAK**

Menurut para pengkaji undang-undang adat, amalan dan dominasi adat adalah sangat dipengaruhi oleh ketua-ketua adat. Mereka bukan sahaja menjadi rujukan kepada undang-undang adat, malah tafsiran mereka ke atas amalan adat adalah dipatuhi. Masyarakat bawahan akan mengikut sebagaimana dicatat oleh J. Minattur (1964):

"The only person who can be expected to have a clear understanding and a proper appraisal of customary law are the traditional leaders of the community. They are interested in maintaining the norms of their community and to them should be entrusted the administration of customary law. They will know how to reinterpret it to keep pace with social changes, changes with their community has accepted as being relevant to it".

Justeru, sebelum kedatangan agama yang berteraskan cara hidup seperti Islam, amalan adat dan kepercayaan kepada animisme menjadi sebahagian daripada pola kehidupan masyarakat. Menurut Hooker (1976), amalan adat dapat mendidik kepada tingkah laku, tertib dan sopan, serta cara hidup yang betul pada masa itu. Pegangan dan ikutan ini akhirnya menjadi satu disiplin dan norma dalam kalangan masyarakat sehingga sesiapa yang menyanggahi aturan adat akan dianggap salah dan perlu diperbetulkan.

Berdasarkan kedudukan inilah, amalan adat dianggap tinggi dan sangat dihormati. Oleh kerana itu, Mohd Din Ali (1963) merumuskan yang amalan adat sebenarnya adalah undang-undang pada waktu itu. Ia menjadi peraturan utama dan penting yang berfungsi mengatur kehidupan sosial semasa, institusi politik dan kemudian menjadi kerangka kepada undang-undang yang wujud pada hari ini. Maka tidak hairanlah penggubalan undang-undang bertulis yang digubal selepas kemerdekaan Tanah Melayu sangat mengambil kira amalan adat, sehingga diiktiraf sebagai satu peraturan dan cara hidup yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Misalnya, peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam sekarang mengiktiraf pembahagian harta sepencarian di antara pasangan suami dan isteri akibat perceraian

berasaskan perolehan harta yang dikumpul semasa alam perkahwihan (A. Monir Yaacob, 1984).

#### UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK

Sebelum kedatangan penjajah British, undang-undang yang mengawal dan mengatur tentang praktis masyarakat Perak pada masa itu dipercayai bersumberkan adat dan Islam iaitu *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak (Ninety Nine Laws of Perak)* yang telah diguna pakai sehingga negeri ini dijajah oleh pihak British melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Berdasarkan catatan sejarah (Arkib Negara, 2011), undang-undang ini dipercayai telah dibawa masuk ke Tanah Melayu pada abad ke-17 masihi oleh seorang Arab yang bernama Sayid Hussain al-Faradz Jamalullail dari Hadramaut. Sayid Hussain telah memperkenalkan suatu asas perundangan adat Melayu dan Islam. Beliau pada awalnya datang ke negeri Perak untuk mengembangkan agama Islam kepada penduduk negeri Perak. Kesan ketokohnya telah menyebabkan beliau dilantik menjadi guru agama Istana kepada Sultan Mahmud Iskandar Shah (1653-1720) (A. Halim Nasir, 1977).

Teks undang-undang tersebut kemudiannya telah digunakan oleh keturunan Sayid Hussain yang menjadi Menteri di Perak mulai pertengahan abad kelapan belas untuk beberapa generasi, seperti Sayid Abu Bakar, Sayid Abdul Majid dan Sayid Jalaludin (Tuk Tambak) (Arkib Negara, 2011). Salah seorang keturunan beliau, Sayid Abu Bakar pernah berkhidmat selaku Menteri dan Bendahara pada zaman pemerintahan Sultan Perak yang ke-15, Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1765). Undang-undang ini dipercayai turut dilaksanakan semasa pemerintahan Sultan Mudzafar Shah 111 (1728-1752) di Berahman Indera (Bota Kanan) dan juga sewaktu pemerintahan Sultan Perak yang ke-15, Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1765) di Pulau Indera Sakti (Kampung Gajah) (Arkib Negara, 2011).

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak pada asalnya mengandungi 40 soalan dan jawapan antara Raja Nushirwan Adil dengan menteri yang bernama Buzurjumhur. Namun, setelah ia diterima menjadi undang-undang di negeri Perak, ia telah ditambah menjadi 99 soalan dan jawapan (Azniza Ahmad Zaini & Mohamad Azmi Nias Ahmad, 2015). Dengan itu, soalan dan jawapan ini dipanggil Undang-undang 99 Perak. Huraian undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini cukup menarik kerana ia telah lari daripada huraian undang-undang yang biasa ditemui di dalam persuratan Melayu lama. Berikut adalah senarai peruntukan berasaskan 99 soalan dan jawapan yang termaktub dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, yang dipecahkan kepada klasifikasi undang-undang sama ada jenayah, sivil, perang atau perlembagaan.

Rajah 1.: Senarai 99 Peruntukan dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak

Fasal	Peruntukan	Jenis
1	Undang-undang orang mengadu	Undang Jenayah
2	Undang-undang berlukaan	Undang Jenayah
3	Undang-undang orang membunuh orang	Undang Jenayah
4	Undang-undang orang kafir	Undang Jenayah
5	Undang-undang orang perempuan tiada tentu bapanya	Undang Jenayah
6	Undang-undang orang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
7	Undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya	Undang Sivil
8	Undang-undang perkataan sahaja	Undang Sivil
9	Undang-undang belanja orang berkahwin	Undang Sivil
10	Undang-undang abdi orang	Undang Sivil
11	Undang-undang orang jadi raja	Undang Perlembagaan
12	Undang-undang orang jadi pegawai memerintah di dalam mukim	Undang Perlembagaan
13	Undang-undang kampung atau dusun	Undang Sivil
14	Undang-undang orang menghidupi binatang jinak	Undang Sivil
15	Undang-undang tanaman dibunuh oleh orang	Undang Sivil
16	Undang-undang hamba atau kawan	Undang Sivil
17	Undang-undang orang hutang-piutang	Undang Sivil
18	Undang-undang orang datang mengadu sesak hutang	Undang Sivil
19	Undang-undang orang menumpang rumah orang	Undang Sivil
20	Undang-undang orang berjalan sama-sama	Undang Sivil
21	Undang-undang orang sama sekampung berdakwa	Undang Sivil
22	Undang-undang orang besar-besar tatkala datang orang membawa aduan	Undang Perlembagaan
23	Undang-undang orang membunuh sama-sama Islam	Undang Jenayah
24	Undang-undang orang mengadap raja	Undang Sivil
25	Undang-undang orang menjadi hakim	Undang Perlembagaan

26	Undang-undang orang membawa kiriman orang	Undang Sivil	perempuan sudah sampai aduannya kepada Pemghulu Mukim itu		
27	Undang-undang upah ubat orang sakit	Undang Sivil	51	Undang-undang orang dagang masuk kampung orang hendak bermalam	Undang Sivil
28	Undang-undang orang membela hantu	Undang Sivil	52	Undang-undang orang berbunuh-bunuhan	Undang Jenayah
29	Undang-undang orang membela kampung	Undang Sivil	53	Undang-undang orang berbahagi harta fasal cerai	Undang Sivil
30	Undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya	Undang Sivil	54	Undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai	Undang Sivil
31	Undang-undang orang berbahagi harta	Undang Sivil	55	Undang-undang orang kaya	Undang Sivil
32	Undang-undang orang perdakwaan ke mana-mana	Undang Sivil	56	Undang-undang pembunuhan	Undang Jenayah
33	Undang-undang orang berbahagi harta pesaka	Undang Sivil	57	Undang-undang nikah dua kali	Undang Sivil
34	Undang-undang orang mati tiada beranak dan berharta	Undang Sivil	58	Undang-undang orang pegawai masjid di dalam mukim	Undang Perlembagaan
35	Undang-undang orang muda belum nikah lagi	Undang Sivil	59	Undang-undang orang jadi pawang di dalam mukim	Undang Perlembagaan
36	Undang-undang abdi orang	Undang Sivil	60	Undang-undang orang jadi bidan	Undang Perlembagaan
37	Undang-undang orang bunting tiada tentu bapanya	Undang Jenayah	61	Undang-undang orang menaruh anak perempuan bujang	Undang Sivil
38	Undang-undang orang bunting dahulu kemudian nikah	Undang Sivil	62	Undang-undang orang menaruh anak laki-laki bujang	Undang Sivil
39	Undang-undang nafkah orang cerai	Undang Sivil	63	Undang-undang orang mencari ilmu	Undang Sivil
40	Undang-undang orang di dalam kampung	Undang Sivil	64	Undang-undang orang menaruh ilmu	Undang Sivil
41	Undang-undang perempuan hendak cerai tiada dengan salah suaminya	Undang Sivil	65	Undang-undang orang baharu lepas nikah	Undang Sivil
42	Undang-undang menghidup binatang merosakkan tanaman orang	Undang Sivil	66	Undang-undang orang beristeri	Undang Sivil
43	Undang-undang orang membuka tanah air	Undang Sivil	67	Undang-undang orang yang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
44	Undang-undang orang berladang padi dimasuk oleh hidupan orang	Undang Sivil	68	Undang-undang orang mengambil tunangan orang	Undang Jenayah
45	Undang-undang orang menghidupi singa atau gajah iaitu binatang yang besar	Undang Sivil	69	Undang-undang orang menghidupi anjing mengigit orang, keluar darah	Undang Sivil
46	Undang-undang orang berjual beli kerbau atau kambing, kemudian hilang	Undang Sivil	70	Undang-undang orang menghidupi gajah membunuh orang	Undang Sivil
47	Undang-undang orang menghidupi kambing	Undang Sivil	71	Undang-undang orang menghidupi kerbau membunuh orang	Undang Sivil
48	Undang-undang orang menghidupi ayam dan itik dibunuh orang	Undang Sivil	72	Undang-undang orang di dalam dunia akal yang sempurna	Undang Sivil
49	Undang-undang masuk ke negeri orang yang sudah bersuami	Undang Sivil	73	Undang-undang orang berdakwa	Undang Sivil
50	Undang-undang orang berzina dengan seorang	Undang Jenayah	74	Undang-undang orang perang	Undang Perang
			75	Undang-undang orang perempuan sudah	Undang Sivil


	berlaki dapat anak, kemudian ia cerai, maka dapat pula laki yang lain dan dapat anak juga, maka mati lakinya itu	
76	Undang-undang orang dagang mati banyak hartanya	Undang Sivil
77	Undang-undang orang di dalam satu negeri mati rajanya, maka sekalian anak cucunya yang tinggal hendak menjadi raja gantinya belaka	Undang Perlembagaan
78	Undang-undang orang hendak menjadikan orang besar-besar di dalam negeri itu	Undang Perlembagaan
79	Undang-undang orang yang menjadi qadhi di dalam negeri itu atau mukim	Undang Perlembagaan
80	Undang-undang orang menjadi pawang di dalam mukim itu	Undang Perlembagaan
81	Undang-undang orang cerai idah di dalam tiga bulan sepuluh hari, lakinya itu hendak balik pula, perempuan tiadalah mahu balik	Undang Sivil
82	Undang-undang orang cerai ada anaknya	Undang Sivil
83	Undang-undang orang sesuasan nikah	Undang Sivil
84	Undang-undang orang nikah dengan perempuan, maka perempuan itu menyusu kepada isteri laki-laki itu	Undang Sivil
85	Undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki dan perempuan	Undang Sivil
86	Undang-undang orang yang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
87	Undang-undang orang menumpang perahu, maka perahu itu rosak	Undang Sivil
88	Undang-undang orang menumpangkan barang-barang sahaja	Undang Sivil
89	Undang-undang orang sewa rumah atau kedai, maka rumah itu terbakar	Undang Sivil
90	Undang-undang orang sewa unta atau lain-lainnya, maka unta itu mati	Undang Sivil
91	Undang-undang orang mati atau lain bicara	Undang Jenayah
92	Undang-undang orang menjadi raja di dalam negeri itu, apa-apa yang	Undang Perlembagaan

	menjadi aman kepada negeri itu	
93	Undang-undang orang jadi orang besar di dalam negeri itu	Undang Perlembagaan
94	Undang-undang upah ubat orang yang sakit, maka diberi ubat oleh mereka itu, baik setengah sahaja sakitnya	Undang Sivil
95	Undang-undang orang kena upah ubat dan banyak upahnya	Undang Sivil
96	Undang-undang orang mandi balai hantu	Undang Sivil
97	Undang-undang orang banyak duduk di dalam majlis berkata-kata di tengah majlis itu	Undang Sivil
98	Undang-undang orang menjadi penghulu suatu tempat	Undang Perlembagaan
99	Undang-undang raja-raja dengan orang besar-besar dan rakyat dan rakyat dengan orang besarnya	Undang Sivil

Sumber: Arkib Negeri Perak

Tujuan Undang-undang ini dihasilkan adalah sebagai sebuah buku rujukan lengkap dan garis panduan untuk kegunaan seorang pemerintah Islam bagi menjalankan pentadbirannya secara cekap berlandaskan sistem pentadbiran undang-undang Islam (Hairuddin Megat Latif, 2009). Ia dapat dilihat di mana kanun ini mengandungi undang-undang jenayah, undang-undang sivil, undang peperangan dan undang tentang perlembagaan negeri. Antara persoalan yang banyak diutarakan termasuklah hal-hal yang berhubungan dengan perlakuan jenayah, perkahwinan dan pertikaian rumahtangga, hutang-piutang, perhambaan, harta pusaka, haiwan ternakan, tugas pawang dalam pengamalan gangguan hantu dan syaitan, masalah tanah dan sebagainya (Muhammad Asri, *t.t*). Bagi menjelaskan jenis peruntukan yang termaktub dalam Kanun 99 Perak, ia dapat dilihat kepada pecahan sebagaimana berikut;

Rajah 2: Pecahan Peruntukan Undang-Undang dalam Undang-Undang 99 Perak



Sumber: Muhammad Nazirul (2023)

Merujuk kepada Pecahan Peruntukan 99 Fasal dalam Undang-Undang 99 Perak, Kajian mendapati sebanyak 15 fasal adalah berkenaan undang-undang jenayah, 69 fasal adalah berkenaan undang-undang sivil dan 14 fasal adalah berkenaan undang-undang perlembagaan dan 1 fasal adalah berkenaan undang-undang Perang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa undang-undang sivil lebih banyak diperuntukkan dalam Undang-Undang 99 Perak. Ini adalah disebabkan persoalan dan isu masyarakat lebih banyak tertumpu pada ketika itu berkaitan tanah, haiwan ternakan, tanaman, perbomohan. Ini juga mampu menggambarkan keadaan latar belakang masyarakat negeri Perak pada abad ke-16 di mana kebanyakan mereka melibatkan diri dalam sektor pertanian, penternakan dan perdagangan (Ahmad Jelani Halimi, 2008).


#### ANALISIS PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK DAN ADAT MELAYU LAMA

Jika dilihat dalam peruntukan Undang-Undang 99 Perak berdasarkan pecahan peruntukan di atas, jelas kelihatan unsur-unsur Islam dalam undang-undang tersebut. Perkara ini banyak diakui oleh penulis dan pengkaji sejarah terkemudian (Jelani Harun, 2003). Namun begitu, ia bukanlah satu bentuk perundangan Islam yang lengkap, kerana ia dilihat masih merupakan hukum adat negeri yang dicampuradukkan dengan beberapa peraturan Islam. Ia dibuktikan dengan isi kandungan undang-undang yang memperlihatkan beberapa campur aduk antara undang-undang Islam dan juga undang-undang adat masyarakat Melayu lama. Perkara ini pernah dijelaskan oleh J.Rigby (1908) seperti berikut:

The Perak Code is not the work of an Arab scholar or lawyer, it is written in homely Malay and was probably pieced together by a Dato' or Sayid who relied on the Malacca Code, or Muhammadan Law as taught orally and modified by custom, and in places on the genuine adat of the country

Berdasarkan peruntukan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, kajian mendapati sebanyak 23 fasal daripadanya adalah berasaskan undang-undang Islam yang tulen. Manakala 76 fasal pula adalah campuran undang-undang adat masyarakat Melayu lama (Arkib Negara, 2011). Berikut adalah analisis pecahan bilangan peruntukan berasaskan undang Islam dan adat negeri yang telah dijalankan oleh pengkaji berasaskan kenyataan Kenyataan J.Rigby sebelum ini.

Rajah 3: Pecahan bilangan peruntukan berasaskan undang Islam dan adat Melayu lama.



Sumber: Muhammad Nazirul (2023)

Berdasarkan rajah 1.3 di atas, jika dilihat undang-undang Islam bukanlah dominan dalam Undang-Undang 99 Perak sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Namun begitu, ia adalah satu perkembangan yang baik disebabkan undang-undang ini telah muncul ketika orang Melayu sudah menerima agama Islam, maka secara tidak langsung ia mempunyai pengaruh ajaran Islam pada sebahagian peruntukan undang-undang 99 Perak (Arkib Negara, 2011).

#### ANALISIS PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK

Setelah kedatangan Islam, amalan adat masih lagi diamalkan dengan berlaku penyesuaian kepada ajaran Islam. Proses asimilasi dan adaptasi ini telah melahirkan istilah misalnya, Adat Temenggung yang daripada pengaruh Hindu kepada adat yang berteraskan Islam hasil daripada peranan pemerintah yang telah menganut agama Islam (Mohamad Hazizie Sulkafle, Hafiz Zakariya, 2020). Pengaruh ini berasaskan sejarah silam Tanah Melayu sebagaimana catatan Abdullah Siddik (1975):

“Adat Temenggung is a derivative from a basic tribal organization in Sumatra (the Adat Perpatih) which as a result of a Hindu monarchical influence of Palembang was shorn of its tribal organization, ...”

Perubahan tersebut berkembang selari dengan amalan adat setempat dan kesedaran agama Islam sehingga ada amalannya bercampur-baur dalam masyarakat, dengan dominasi ajaran Islam semakin mendapat tempat daripada sehari ke sehari. Mohd Din Ali (1963) menyifatkan pengaruh Islam dalam Adat Temenggung lebih ketara setelah kedatangan Islam sebagaimana ulasannya, “*The Adat temenggung being patrilineal in character identified itself with the Islamic socio-political system with the advent of Islam in Malaysia*”.




Rajah 4: Senarai Fasal Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak Berasaskan Undang-Undang Islam

Bil	Jenis Undang-Undang	Fasal	Peruntukan
1	Undang-undang Jenayah	6	Undang-undang orang mengambil perempuan orang
2	Undang-undang Jenayah	68	Undang-undang orang yang mengambil tunangan orang
3	Undang-undang Mal	7	Undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya
4	Undang-undang Mal	30	Undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya, maka lakinya belum dapat bunga tubuhnya lagi sebab keras perempuan itu
5	Undang-undang Mal	31	Undang-undang orang cerai dan berbahagi hartanya
6	Undang-undang Mal	34	Undang-undang orang mati tiada beranak ada berharta
7	Undang-undang Mal	39	Undang-undang nafkah orang cerai
8	Undang-undang Mal	41	Undang-undang perempuan hendak cerai tiadalah dengan kesalahan suaminya satu pun
9	Undang-undang Mal	54	Undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai
10	Undang-undang Mal	82	Undang-undang orang cerai ada anaknya
11	Undang-undang Mal	85	Undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki dan perempuan
12	Undang-undang Mal	18	Undang-undang orang datang mengadu sesak hutang
13	Undang-undang Mal	26	Undang-undang orang membawa kiriman orang
14	Undang-undang Mal	42	Undang-undang orang menghidupi binatang itu merosakkan tanam-tanaman orang
15	Undang-undang Mal	44	Undang-undang orang berladang padi dimakan oleh hidupan orang
16	Undang-undang Mal	45	Undang-undang menghidupi singa atau gajah iaitu binatang yang besar
17	Undang-undang Mal	47	Undang-undang orang menghidup kambing
18	Undang-undang Mal	48	Undang-undang orang yang menghidupi ayam dan itik dibunuh orang
19	Undang-undang Mal	69	Undang-undang orang yang menghidupi anjing mengigit orang , keluar darah
20	Undang-undang Mal	88	Undang-undang orang menumpangkan barang-barang sahaja
21	Undang-undang Perlembagaan	25	Undang-undang orang yang menjadi hakim di balai tatkala datang pendakwaan
22	Undang-undang Perlembagaan	49	Undang-undang masuk ke negeri orang
23	Undang-undang Perlembagaan	79	Undang-undang orang yang menjadi qadhi di dalam negeri itu atau mukim

Sumber: Muhammad Nazirul (2023)

Setelah melakukan semakan terhadap fasal-fasal yang berasaskan undang-undang Islam, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 18 fasal berkaitan Undang Mal iaitu fasal 7, 18, 26, 30, 31, 34, 39, 41, 42, 44, 45, 47, 48, 54, 69, 82, 85 dan 88. Manakala 2 fasal berkaitan Undang Jenayah iaitu fasal 6 dan 68. Seterusnya, Undang Perlembagaan sebanyak 3 fasal iaitu fasal 25, 49 dan 79 (Abdul Kadir Muhammad, 1996).

Rajah 5: Analisis Pecahan Bidang Syariah Berdasarkan Peruntukan Undang-undang 99 Perak Berasaskan Undang-Undang Islam.



Sumber: Muhammad Nazirul (2023)

Hasil analisis di atas menunjukkan bahawa undang-undang Mal (sivil) lebih banyak dipengaruhi oleh Undang-Undang Islam berbanding undang-undang Jenayah dan Perlembagaan. Namun begitu, jika merujuk kepada rajah 1.2, pecahan peruntukan undang-undang dalam Undang-Undang 99 Perak, didapati Undang Adat Melayu Lama lebih banyak jumlah fasalnya berbanding Undang Mal iaitu sebanyak 41 fasal. Kesimpulannya, Undang-undang 99 Perak dilihat lebih merupakan hukum adat Melayu Lama yang dicampuradukkan dengan beberapa peraturan Islam. Hal ini bertepatanlah dengan kajian-kajian sebelum ini yang pernah dilakukan oleh ramai sarjana sastera, undang-undang mahupun sejarah (Abu Bakar Abdullah, 1986)

Maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini mempunyai undang-undang yang bersumberkan perundangan Islam. Ini kerana, undang-undang ini telah muncul ketika orang Melayu sudah menerima agama Islam, maka secara tidak langsung ia mempunyai pengaruh ajaran Islam pada sebahagian peruntukan undang-undang 99 Perak. Tambahnya lagi, undang-undang ini merupakan sebuah naskhah undang-undang yang telah mula diperkenalkan setelah

kedatangan Islam ke Tanah Melayu iaitu semaktu peemrintahan Sultan Ahmad Tajuddin (Jelani Harun, 2003).

Bagaimanapun setelah penelitian dijalankan, terdapat juga beberapa peruntukan dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang

mengandungi hukum adat Melayu lama yang dicampuradukkan dengan beberapa peraturan Islam. Misalnya dalam peruntukan berhubung pembahagian harta pusaka, hukum berkahwin dengan anak susuan, hukuman ke atas pembunuh dan hukuman akibat berzina.

Rajah 6: Perbandingan Sebahagian Peruntukan Antara Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan Undang Islam Sebenar.

Bidang	Undang 99 Perak	Undang-Undang Islam Sebenar	Bukti Al-Quran Dan Hadis	
<b>FARAID</b>	Fasal 33 tercatat tentang 'undang-undang orang berbahagi harta pusaka'	Harta pusaka itu akan dibahagi dua berdasarkan jenis harta pusaka dan jantina.	Pembahagian pusaka antara waris lelaki dan perempuan yang sama darjat adalah berdasarkan kaedah ' <i>asabah bil al-ghairi</i> iaitu waris lelaki mendapat dua bahagian waris perempuan atau dengan nisbah 2:1	Surah al-Nisa' ayat 11.
<b>MUNAKAHAT</b>	Fasal 84, tercatat 'Undang-undang orang nikah dengan perempuan, maka perempuan itu menyusu kepada isteri laki-laki itu'	Seorang lelaki dibenarkan bernikah dengan anak susuan isterinya jika dia sanggup bersedekah emas dan perak	Tindakan penyusuan akan menyebabkan seseorang itu menjadi mahram dengan anggota keluarga tersebut dan haram dikahwini selama-lamanya	Riwayat al-Bukhari (2502) dan Muslim (1447)
<b>JENAYAH</b>	Fasal 3, tercatat 'undang-undang orang membunuh orang:	kes bunuh membunuh sesama Islam, pembunuh itu tidak boleh dikenakan hukuman bunuh. Hakim hanya akan mendendanya sebanyak lima tahlil emas dan dikenakan membuat kenduri menyembelih seekor kerbau atau kambing putih atau unta putih	Hukuman membunuh dalam Islam ialah seseorang pembunuh akan dihukum bunuh balas ( <i>qisas</i> ) atau dikehendaki membayar pampasan ( <i>diyat</i> ) jika diminta oleh keluarga mangsa.	Surah al-Baqarah ayat 178
	Fasal 50, dicatatkan 'undang-undang orang berzina dengan seorang perempuan setelah sampai aduan kepada Penghulu Mukim'	Kesalahan zina tidak dihukum mengikut hukum Islam sebenar di mana pezina itu dinikahkan dan dikenakan denda sahaja	Sekiranya pezina itu pernah berkahwin ( <i>muhsan</i> ), dikenakan hukuman rejam sampai mati. Manakala pezina yang belum pernah berkahwin dan menikmati hubungan seksual yang sah ( <i>ghāyr muhsan</i> ), dikenakan sebat seratus kali dan dibuang negeri selama setahun	Surah al-Nur ayat 2. Riwayat al-Bukhari (6830) dan Muslim (1691)

Sumber: Muhammad Nazirul (2023)

Merujuk kepada perbandingan di atas, jelas bahawa hukuman yang terkandung dalam Undang-undang



Sembilan Puluh Sembilan Perak tersebut adalah bercanggah dengan undang-undang Islam. Pembahagian harta pusaka dalam Islam hendaklah mengikut hukum faraid yang memberikan waris lelaki dua bahagian waris perempuan. Manakala hukum berkahwin dengan anak susuan adalah diharamkan selama-lamanya dalam Islam. Kedudukan anak tersebut adalah seumpama anak kandung yang menjadi mahram kepada si bapa. Manakala dalam kes qisas, kemaafan hanya boleh diberikan oleh keluarga mangsa sekiranya hukuman *qisas* ditukar kepada *diyat*. Seterusnya dalam kes zina, hukuman yang utama ialah sebat serratus kali bagi *ghayr muhsan* atau direjam sampai mati bagi yang *muhsan*. Hukuman diminta berkahwin adalah merupakan hukuman tambahan sahaja dalam kalangan anggota masyarakat. Kesemua peruntukan undang-undang adat ini menunjukkan hukuman Islam bukanlah hukuman yang dominan dalam undang-undang Perak pada waktu tersebut.

#### KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, kita dapat menegaskan beberapa perkara hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak adalah undang-undang yang terpakai di Perak pada waktu dahulu dan menjadi panduan kepada Raja, pembesar dan rakyat. Pemakaiannya dalam masyarakat telah menyebabkan orang Islam dahulu bukan sahaja dihukum dengan undang-undang Islam, bahkan juga dihukum dengan undang-undang adat Melayu lama. Hal ini dapat dibuktikan apabila tidak semua daripada undang-undang tersebut memperlihatkan unsur-unsur Islam pada kebanyakan fasal Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Selain itu, kajian mendapati sebanyak 23 fasal daripada Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak adalah berasaskan undang-undang Islam yang tulen, manakala selebihnya iaitu 76 fasal pula adalah berbentuk campuran dengan undang-undang adat masyarakat Melayu lama. Begitu juga terdapat beberapa fasal yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang bercanggah dengan undang-undang Islam sebenar khususnya dalam bidang faraid, *qisas*, hudud dan perkahwinan. Setelah diteliti, pengkaji berpendapat bahawa adalah perlu kajian lanjut dibuat terhadap analisis Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak daripada perspektif perundangan Islam memandangkan kebanyakan kajian terdahulu cenderung kepada kaitan Undang-Undang 99 Perak dengan sejarah perkembangan Islam dan juga warisan persuratan Melayu di Negeri Perak.

#### RUJUKAN

A. Cortesa, (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires, an Account of the East, from the Red Sea to Japan,*

Written in Malacca and India in 1512 – 1515. Hakluyt Society, 2nd ser., vols. XXXIX and XL. London. II

- A. Halim Nasir (1977). *Sejarah Perak. Jabatan Muzium*: Kuala Lumpur. cet. 1. h. 150.
- A. Monir Yaacob. (1984). *Adat A Source of Malaysian Law*. Sari. 2(1), 65-79.
- Abdul Kadir Haji Muhammad (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ayub (1961). *Chara Pmerentahan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakar Abdullah (1986). *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Damai.
- Abū al-Wafā' 'Alī bin 'Aqīl bin Muhammad Al-Baghdādi Al-Hanbalī (1999). *Al-Wāḍih fi Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muasasah al-Risalah. Jil. 5.
- Abu Yahya Zakariya al-Ansari (2008). *Fath al-Wahab Bil Sharh Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr. Juz. 2.
- Ahmad Jelani Halimi (2002). *Undang-Undang Laut Melaka: Undang-Undang Perahu dan Undang-undang Perahu dan Undang-undang belayar*. Pusat Pengajian Umum: Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat (2010). *Warisan Melayu Perak. Pengaruh Islam dalam Undang-Undang Melayu: Kes Undang-Undang 99 Perak*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Johor Darul Takzim.
- Ahmad Jelani Halimi (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Jelani Halimi, Ishat Saat. (2010). *Warisan Melayu Perak*. Batu Pahat: Penerbit UTHM
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia
- Andaya, Barbara Watson. (1979). *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Arkib Negara (2011). *Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Arkib Negara. Kuala Lumpur
- Arkib Negara (2011). *Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Arkib Negara. Kuala Lumpur.
- Azniza Ahmad Zaini & Mohamad Azmi Nias Ahmad (2015). *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak*. Prosiding Konferensi Akademik KONAKA di Al-Biruni, UiTM Pahang. November 2015.
- Fawzi M. A. Basri. (1986). *Chempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.

- Hairuddin Megat Latif (2009). Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya Berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu. *Journal of Ethics, Legal and Governance*. Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia. Vol. 5.
- J. Minattur (1964). "The Nature of Malay Customary Law". *Malay law Report*, 2(6). Singapore.
- Jelani Harun. (2003). Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja dengan Menteri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 165-183.
- M. B. Hooker. (1976). *The Personal Law of Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohamad Hazizie Sulkafle, Hafiz Zakariya. (2020). The Influence of Islam on the Statecraft of the Perak Sultanate: The Case of the Ninety-nine Laws of Perak. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*. 2(3), 104-116.
- Mohd Din bin Ali. (1963). "Malay Customary Law/Family". *Intisari*, 34(2). Singapura: M.S.R.I.
- Muhammad Asri (t.t). *Sistem Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Perak Dahulu dan Sekarang*. Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
- Rigby,J (1908). *The Ninety-nine Laws of Perak*. Dalam *Papers on Malay Subjects* R.J. Wilkinson.
- W.G. Shellabear. (2016). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Winstedt (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford Press. h. 170.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah</b> <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
<b>Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia</b>	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
<b>Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)</b>	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
<b>Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam</b>	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
<b>Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur</b>	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
<b>Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia</b>	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
<b>Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia</b>	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
<b>Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis</b>	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

*The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks*

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

**Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam**

84-93

*The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis*

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong